



# *BERITA*

**No: 2**

## **IATA perkukuh komitmen penjagaan alam sekitar walaupun pada waktu krisis**

**16 Januari 2009 – (ROM)** – Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) mengutarakan komitmen industri penerbangan terhadap tanggungjawab kepada alam sekitar di majlis pelancaran pameran penerbangan dan alam sekitar di Lapangan Terbang Fiumicino, Rom.

“Komitmen kami dalam penjagaan alam sekitar adalah teguh dan kuat. Industri penerbangan mengeluarkan sebanyak 2% daripada pengeluaran CO<sub>2</sub> di seluruh dunia. Komitmen industri terhadap keberkesanan proses yang berterusan telah menjadikan kami penyumbang kecil dalam masalah perubahan iklim yang merunsingkan. Walaupun menghadapi situasi pendapatan yang paling teruk dalam tempoh 50 tahun – dengan kerugian berjumlah US\$2.5 billion pada tahun ini, susulan dari kerugian sebanyak US\$5 billion pada tahun 2008 – kami tetap meneruskan usaha memberi kaedah penyelesaian terbaik bagi mengurangkan pencemaran daripada industri ini,” kata Giovanni Bisignani, Ketua Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif, IATA.

IATA menerajui usaha industri penerbangan dengan memberi perhatian terhadap perubahan iklim dan memperbaiki prestasi penjagaan alam sekitar melalui empat strategi: melabur dalam teknologi, menerbangkan pesawat dengan berkesan, membina infrastruktur yang efisien dan menggunakan kaedah ekonomi yang positif. “Tiada industri lain yang lebih bersatu dalam kaedah pelaksanaan mereka. Visi IATA adalah untuk mencapai pertumbuhan karbon-sifar sambil menuju masa hadapan yang bebas-karbon,” kata Bisignani.

“Strategi kami nyata membuahkan hasil. Kadar pengeluaran bahan pencemar penerbangan akan jatuh sebanyak 4.5% pada tahun 2009. Salah satu penyebab pengurangan ini adalah berikutan penurunan kadar kekerapan penerbangan sebanyak 2.5% yang diakibatkan oleh krisis ekonomi sedunia dan yang lainnya berkait terus dengan strategi kami. Syarikat penerbangan kini menggunakan pesawat yang lebih menjimatkan minyak dan memberhentikan penggunaan pesawat lama. Jumlahnya amat mengagumkan. Dalam 11 bulan yang pertama tahun 2008, 1,037 pesawat baru – dengan kemampuan untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan bahan api sebanyak 20-30% - telah diperoleh. Ini menggantikan 881 buah pesawat lama yang tidak lagi efisien dalam penggunaan bahan api,” tambah Bisignani.

Kaedah IATA dalam menerajui kaedah penjagaan alam sekitar juga turut menyumbang dalam pengurangan pembakaran bahan api. “Melalui kerjasama dengan syarikat penerbangan, lapangan terbang dan pembekal perkhidmatan navigasi udara, kami telah berjaya menjimatkan 59 juta tan CO<sub>2</sub> semenjak tahun 2004, bersamaan dengan kos bahan api sebanyak US\$12.2 billion. Pada tahun 2008 sahaja kami telah mengenalpasti dan menjimatkan sebanyak 15 juta tan CO<sub>2</sub>, bersamaan dengan US\$5 billion, tambah Bisignani lagi. Semenjak 2001 industri pengangkutan udara telah memperbaiki keberkesanan penggunaan bahan api sebanyak 19%. Menjelang 2020 industri mensasar untuk mencapai peningkatan sebanyak 25% lagi dalam keberkesanan bahan api berbanding pada 2005.

Bisignani mengenalpasti tiga bidang kritikal yang boleh membantu industri memberikan hasil dengan lebih berkesan lagi iaitu:

**Bahan Api Alternatif:** “*Bio-fuel* menjanjikan keberberkesan bagi mengurangkan pengeluaran karbon. Sepanjang kitaran hidupnya, ia mempunyai potensi untuk mengurangkan pengeluaran CO<sub>2</sub> sehingga 60%. IATA bertekad menggunakan 10% bahan api alternatif menjelang 2017. Tapi kita memerlukan *Bio-fuel* yang betul, iaitu yang tidak akan bersaing untuk penggunaan makanan atau menjejaskan keseimbangan-bio, dan yang memenuhi kaedah teknikal dan spesifikasi pembuatan kerosin bagi jet. Ujikaji terbaru Air New Zealand dan Continental Airline membuktikan bahawa *bio-fuel* boleh digunakan. Sekarang kita perlu mempercepat proses pengiktirafannya. Melalui proses sedia ada, kita hanya akan menyaksikan pengesahan menjelang tahun 2013. Kami sedang mendesak kerajaan-kerajaan agar melaksanakan proses ini dengan lebih pantas – menjelang 2010 atau 2011,” kata Bisignani.

**Navigasi Udara yang Lebih Baik:** “Kita perlu terbang dengan lebih berkesan. Setiap *Continuous Decent Approach* (CDA) menjimatkan diantara 150 sehingga 600kg CO<sub>2</sub>. Setiap *Clean Airspeed Departure* (CAD) menjimatkan diantara 600 hingga 5,000 kg CO<sub>2</sub>. Tetapi kita hanya boleh menggunakan kaedah keberkesanan ini di kurang dari 50 buah lapangan terbang di Eropah sahaja. Kami berharap Rom akan turut serta melaksanakan kaedah penjimatan ini dengan segera. Dari perspektif yang lebih luas, setelah perbincangan selama beberapa dekad tanpa sebarang tindakan, *Single European Sky* (SES) kini mula mengorak langkah. Kami menaruh harapan yang tinggi terhadap Timbalan Presiden Suruhanjaya Eropah, Tajani akan disokong oleh kerajaan Eropah untuk melaksanakan Pakej Kedua SES agar kami memperolehi 9 blok ruangan udara berfungsi, pengurus rangkaian dan matlamat keberkesanan yang kukuh menjelang tahun 2012. Ini akan memberikan penjimatan hebat sehingga 16 juta tan CO<sub>2</sub>,” kata Bisignani.

**Penyelesaian global melalui kaedah ekonomi yang positif:** “Kerajaan diseluruh dunia mesti bersetuju dengan satu langkah penyelesaian global untuk mengurangkan pengeluaran bahan pencemaran dari industri penerbangan. Kaedah *unilateral* pihak Eropah yang merancang untuk merangkum penerbangannya dengan *European Emissions Trading Scheme* (ETS) mempunyai kelemahan dan tidak sah di sisi undang-undang. Ianya bertentangan dengan *Chicago Convention*. Kerajaan Bukan-EU akan mencabar kaedah ini dan Eropah pasti akan kalah. Tambahan pula, merupakan satu hipokrasi jika mereka mengenakan caj kepada syarikat penerbangan atas pengeluaran bahan pencemaran sedangkan instruktur yang disediakan memaksa penerbangan yang tidak sempurna. Penubuhan “Ruangan Udara Eropah yang Satu” menjelang 2012 adalah satu kemestian,” kata Bisignani. “Kaedah yang lebih baik bagi Eropah mempamer kepimpinan dalam penjagaan alam sekitar ialah dengan menyokong penyelesaian global yang dipelopori oleh *International Civil Aviation Organisation* (ICAO), badan UN dan Kumpulan 15-Kerajaan bagi *International Aviation and Climate Change* (GIACC). Inilah yang diharapkan oleh protokol Kyoto. Inilah yang telah dipersetujui oleh G8 di Jepun pada Jun 2008. Kerajaan – termasuk di Eropah – perlu memastikan plan tindakan GIACC, yang akan dikeluarkan pada bulan September, dilaksana dengan berkesan.”

Pameran penjagaan alam sekitar IATA mempamerkan inovasi yang dilaksana oleh syarikat dan industri penerbangan bagi meningkatkan keberkesanan penggunaan bahan api. Ianya juga mempamerkan inovasi masa hadapan, termasuklah *bio-fuel* dan konsep revolusi bagi kerangka pesawat dan rekaan enjin. Ianya merupakan peringatan terhadap potensi kejayaan dalam bidang teknikal dan operasi.

– IATA –

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Albert Tjoeng  
Pengurus  
Hubungan Korporat  
Asia Pasifik  
Tel: +65 64992286 / +65 91723767  
E-mel: [tjoenga@iata.org](mailto:tjoenga@iata.org)

**Nota kepada editor:**

- IATA (International Air Transport Association) mewakili 230 syarikat penerbangan yang merangkumi 93% daripada jadual lalu lintas penerbangan antarabangsa.
- Pameran penjagaan alam sekitar IATA sedang membuat kunjungan ke semua lapangan terbang di Eropah dan buat masa ini berada di Rom Fiumicino selama dua bulan melalui kerjasama dengan *Aeroporti di Roma*.
- *Standhya* terdiri dari dua lengkungan panel berlawanan yang membentuk satu “terowong”, seumpama enjin sebuah pesawat. Pelawat akan melalui satu perjalanan yang menakjubkan bermula dari penubuhan pesawat berkuasa yang pertama sehingga yang terdapat pada hari ini. Perjalanan ini mengilustrasikan elemen asas kepada empat strategi terhadap alam persekitaran – menjurus kepada teknologi, operasi dan infrastruktur. Perjalanan kami melangkaui ke masa hadapan dengan eksplorasi teknologi baru seperti bio-fuel berasaskan alga, kuasa solar and sel bahan api yang mampu menjadi bahan asas bagi pembangunan pesawat bebas karbon dalam masa 50 tahun yang akan datang.
- *Standhya* adalah 3 meter kali 6 meter dan 2.1 meter tinggi. Bahasa asasnya adalah bahasa Inggeris bersama bahasa kedua yang disesuaikan mengikut lokasi. Paparan skrin-sentuh dan model interaktif meneroka dan menerangkan isu seperti sumber bahan api alternatif, revolusi konsep pembuatan kerangka pesawat dan rekaan enjin, pintasan laluan penerbangan dan kemajuan operasi dalam bidang industri penerbangan. *Stand* ini merangkumi “Destinasi Kosong” (*Destination Zero*) – yang secara asasnya merupakan, ‘filem bagi stand’.